

BIL 2/2024 (APRIL)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Melindungi Kewangan
Melalui Pelaburan Yang
Bijak

Kepentingan Memupuk
Literasi Kewangan Pada
Usia Muda

Adakah Anda
Memerlukan Pakar
Perancangan Kewangan?

Kepentingan Menyemak
Laporan Kredit Kewangan
Anda

POST-MORTEM: PENGURUSAN KEWANGAN MENJELANG PERAYAAN

ISSN 2180-3684



IMBAS KOD QR
UNTUK MUAT TURUN
MAJALAH RINGGIT



GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



Isi Kandungan

04 Post-Mortem: Pengurusan Kewangan Menjelang Perayaan



11 Kepentingan Memupuk Literasi Kewangan Pada Usia Muda



07 Melindungi Kewangan Melalui Pelaburan Yang Bijak



15 Adakah Anda Memerlukan Pakar Perancangan Kewangan?



19 Kepentingan Menyemak Laporan Kredit Kewangan Anda



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor

Dr Saravanan Thambirajah

Sidang Pengarang

Maizatul Aqira Ishak
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pegurusan Kredit (AKPK) dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Agensi Kaunseling dan Pegurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 1, Menara Aras Raya
Jln Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Sesawang: www.akpk.org.my

Financial Education Network (FEN)

Sesawang: www.fenetwork.my

Diurus Terbit Oleh

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital

Wordlabs Global Sdn Bhd
No. 617, Block D, Kelana Square
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my





Post-Mortem: Pengurusan Kewangan Menjelang Perayaan

Perayaan ialah sesuatu yang dinantikan oleh seluruh masyarakat Malaysia. Kanak-kanak terutamanya menantikan hari perayaan dengan penuh keriangan. Perayaan juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama keluarga dan ahli masyarakat setempat. Malaysia dikatakan sebagai negara yang mempunyai paling banyak cuti perayaan berbanding dengan negara-negara lain.

Kanak-kanak mengharapkan baju baharu bagi menyambut perayaan. Hal ini menyebabkan ibu bapa merasa bertanggungjawab untuk menyediakannya setiap tahun. Ibu bapa yang berkemampuan mungkin tidak menghadapi masalah, namun buat mereka yang kurang berkemampuan, perasaan tertekan mungkin timbul seandainya gagal menyediakan pakaian tersebut untuk anak-anak mereka.

Ini boleh mencetuskan permasalahan kepada keluarga tersebut dan menjadi punca pergaduhan pasangan suami isteri. Kesudahannya, perayaan yang sepatutnya disambut dengan riang dan gembira boleh bertukar menjadi hari yang berduka-cita akibat pertelingkahan dalam keluarga tersebut.

Perancangan kewangan peribadi dan keluarga

Rakyat Malaysia menyambut pelbagai perayaan setiap tahun. Ia boleh hadir dalam bentuk keagamaan, keturunan atau kelompok masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa.

Pada 10 April 2024 yang lalu, semua rakyat Malaysia yang beragama Islam sibuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Perkara yang tentunya diberikan tumpuan pada pagi Hari

Raya adalah memastikan bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu hidangan istimewa untuk meraikan hari perayaan tersebut. Tarikh 1 Syawal sebelum solat sunat Aidilfitri juga ialah waktu akhir untuk umat Islam membayar zakat fitrah.

Sekiranya perancangan kewangan untuk sambutan perayaan setiap tahun tidak diurus dengan baik, ia akan memberi impak yang negatif kepada aliran tunai dan nilai bersih individu dan keluarga terbabit.

Bahagian paling utama dalam perancangan kewangan peribadi dan keluarga ialah perancangan dalam pengurusan aliran tunai dan nilai bersih:



Aliran tunai ialah aliran wang masuk dan keluar



Nilai bersih pula ialah nilai aset yang ditolak dengan tanggungan (liabiliti)



Memandangkan perayaan disambut setiap tahun, kita boleh menggunakan pengalaman sambutan perayaan yang lepas sebagai panduan untuk merancang kewangan dengan lebih berkesan. Ramai yang menempah pakaian dengan mengeluarkan belanja yang tinggi untuk memastikan semua ahli keluarga memakai baju yang sedondon. Hakikatnya, ia bukanlah sesuatu keperluan.

Selain itu, ramai juga yang terpengaruh untuk membeli pakaian berjenama yang mahal. Sebenarnya, terdapat banyak pilihan harga baju yang lebih murah dan sesuai dengan kemampuan kita.

Seperti yang kita sedia maklum, saban tahun banyak kedai dan pasaraya akan mula mengadakan jualan murah bagi pakaian menjelang musim perayaan.

Mengapa perlu membazirkan duit untuk pakaian yang mahal dan mungkin hanya dipakai sekali setahun sahaja? Oleh sebab itu, lakukanlah perancangan kewangan beberapa bulan sebelum musim perayaan. Ini dapat mengelakkan perbelanjaan yang melebihi kemampuan.

Dengan perancangan kewangan yang berhemat bagi menyambut Hari Raya, individu atau keluarga tersebut dapat membuat penjimatan yang banyak terhadap aliran tunai serta nilai bersih mereka. Penjimatan tersebut dapat disalurkan kepada simpanan dan pelaburan yang dapat meningkatkan lagi nilai bersih mereka.

Dengan cara ini, anak-anak akan mendapat pakaian baharu untuk menyambut Hari Raya dan dalam masa yang sama, ibu bapa juga dapat berjimat dan memperkuuhkan strategi persediaan masa depan mereka.

Rancang awal, elak pembaziran

Perayaan yang disambut saban tahun bukanlah alasan untuk kita membazir, sebaliknya perlu dijadikan sebagai amalan untuk kita melakukan perancangan awal bagi mengelakkan pembaziran dalam menyambut sesuatu perayaan.

Dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri contohnya, umat Islam dilarang melakukan pembaziran kerana pembaziran ialah amalan syaitan. Tujuan kita menyambut Hari Raya adalah untuk beribadah kepada Allah SWT dan bukannya untuk melakukan perkara yang ditegah seperti pembaziran.

Perancangan kewangan peribadi dan keluarga bukanlah bertujuan mengekang kebahagiaan sesebuah keluarga dengan melarang mereka berbelanja, tetapi sebaliknya menggalakkan setiap keluarga merancang dengan penuh hemat agar tidak terjerumus ke dalam kancah hutang kerana gagal merancang kewangan dengan bijak.

Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) merupakan salah satu daripada badan bukan kerajaan

(NGO) yang amat aktif dalam mendidik ahli masyarakat secara percuma untuk membentuk masyarakat Malaysia yang celik kewangan. Pihak MFPC amat menggalakkan setiap ahli masyarakat agar mengamalkan pengurusan kewangan peribadi dan keluarga dengan bijak.

MFPC sering bekerjasama rapat dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) yang diketuai oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) berserta agensi kerajaan yang lain, termasuk agensi separa kerajaan dan bukan kerajaan.

MFPC sentiasa mendekati setiap ahli masyarakat di Malaysia dengan pelbagai program berkenaan kesedaran kewangan seperti “My Money & Me” yang dibuat dalam pelbagai bahasa terutamanya Bahasa Melayu untuk sesi bersemuka dan juga sesi dalam talian.



MFPC boleh dihubungi melalui laman sesawang www.mfpc.org.my.



MELINDUNGI KEWANGAN MELALUI PELABURAN YANG BIJAK

Sejak kebelakangan ini, penipuan kewangan di Malaysia semakin meningkat. Penjenayah menggunakan pelbagai taktik untuk menarik pelabur ke dalam perangkap mereka. Oleh itu, para pelabur perlu berhati-hati dan bijak dalam mengurus pelaburan mereka seperti melabur dalam syarikat yang sah dan berlesen di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk mengelakkan kerugian kewangan yang besar. Panduan ini bertujuan membantu anda membuat keputusan yang tepat sebagai pelabur, melindungi kepentingan anda, dan meningkatkan kesedaran mengenai jalan penyelesaian pertikaian, jika diperlukan.

KESEDARAN DAN PEMAHAMAN HAK ANDA SEBAGAI PELABUR



- ▶ Hak untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat tentang pelaburan.
- ▶ Memilih produk pelaburan yang sesuai dengan keperluan dan risiko.
- ▶ Mendapat perlindungan undang-undang daripada amalan penipuan atau penyalahgunaan dalam industri kewangan.

Mengetahui dan memahami hak-hak anda sebagai pelabur adalah penting untuk mengelakkan risiko kerugian kewangan. Dengan kesedaran ini, anda dapat mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil jika terdapat penyalahgunaan atau ketidakadilan dalam pelaburan anda.

KAJI SELIDIK PELABURAN YANG ANDA PERLU LAKUKAN



- ▶ Pastikan anda mengkaji dengan teliti penyedia perkhidmatan kewangan anda dan produk pelaburan yang ditawarkan.
- ▶ Fahami tahap risiko pelaburan anda dan juga pelbagai jenis pelaburan.

Dengan penyelidikan yang teliti dan pelaburan yang pelbagai, anda dapat meningkatkan kestabilan kewangan dan mengurangkan risiko yang mungkin berlaku dalam pelbagai keadaan pasaran.

PEMAHAMAN TERPERINCI TERHADAP DOKUMEN PELABURAN



- ▶ Dapatkan pemahaman menyeluruh terhadap dokumen pelaburan sebelum membuat keputusan.
- ▶ Jangan tandatangani borang kosong terlebih dahulu.
- ▶ Semak dengan teliti terma dan syarat, termasuk risiko pelaburan dan bayaran yang dikenakan.

Pastikan anda memahami sepenuhnya keperluan dan implikasi pelaburan yang anda buat, dan jika terdapat sebarang kekeliruan atau ketidakfahaman, jangan malu untuk mendapatkan penjelasan tambahan daripada pakar kewangan atau penasihat pelaburan.

KESELAMATAN TRANSAKSI KEWANGAN



- ▶ Pastikan anda tidak menyerahkan wang secara tunai kepada syarikat pelaburan anda.
- ▶ Pemindahan wang sepatutnya dilakukan melalui bank akaun yang sah atas nama syarikat pelaburan tersebut. Ini adalah untuk memastikan keselamatan dan kebolehpercayaan transaksi kewangan anda.
- ▶ Menyimpan semua rekod transaksi pelaburan anda dengan teliti adalah penting.

Sekiranya berlaku sebarang aktiviti yang mencurigakan atau kemungkinan kehilangan dana, rekod yang lengkap ini akan menjadi bukti yang penting dalam menyelesaikan sebarang pertikaian atau tuntutan yang mungkin timbul.

PELABURAN BERETIKA DAN BERKESAN



- ▶ Selain mempertimbangkan faktor keuntungan semata-mata, memilih pelaburan yang menitikberatkan nilai-nilai etika dan keberkesanan jangka panjang juga penting.
- ▶ Pertimbangkan impak sosial dan alam sekitar pelaburan anda, serta kebolehpercayaan syarikat atau entiti yang menawarkan pelaburan tersebut.

Pelaburan yang bertanggungjawab dan berkesan tidak hanya menghasilkan keuntungan kewangan, tetapi juga memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PELABUR



- ▶ Jadikan pendidikan kewangan sebagai aspek penting dalam pengurusan kewangan anda.
- ▶ Tingkatkan pengetahuan anda tentang pasaran kewangan, strategi pelaburan, dan kaedah pengurusan risiko. Sertai seminar atau kursus, atau dapatkan bacaan yang berkaitan dengan pelaburan untuk memperluaskan pengetahuan anda.

Kesedaran yang tinggi akan membolehkan anda membuat keputusan yang lebih baik dalam pelaburan dan melindungi kepentingan kewangan anda.

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN BERTERUSAN



- ▶ Lakukan pemantauan dan penilaian berterusan terhadap prestasi pelaburan anda.
- ▶ Periksa prestasi dan keadaan pasaran secara berkala, dan ambil tindakan yang sesuai jika terdapat perubahan yang signifikan.

Penilaian berterusan akan membantu anda mengenal pasti potensi risiko dan peluang, serta memastikan bahawa pelaburan anda terus berkembang secara positif.

KONSULTASI PROFESIONAL



- ▶ Jika anda merasa kurang pasti atau memerlukan nasihat tambahan mengenai pelaburan anda, pertimbangkan untuk mendapatkan bantuan daripada pakar kewangan atau penasihat pelaburan.

Mereka dapat membantu anda menyusun strategi pelaburan yang sesuai dengan keperluan dan objektif kewangan anda, serta memberikan panduan yang tepat mengenai penyelesaian pertikaian atau tuntutan yang mungkin timbul.

PENYELESAIAN PERTIKAIAN MELALUI SIDREC



- ▶ Jika anda mengalami kerugian kewangan dalam pelaburan, anda boleh membuat aduan melalui *Securities Industry Dispute Resolution Centre* (SIDREC).
- ▶ SIDREC menyediakan perkhidmatan penyelesaian pertikaian kewangan dan ditubuhkan oleh SC untuk membantu pelabur mendapatkan bantuan di luar mahkamah.
- ▶ Servis SIDREC adalah percuma jika tuntutan kewangan tidak melebihi RM250,000.

Walau bagaimanapun, tuntutan tersebut mestilah melibatkan ahli-ahli SIDREC yang terdiri daripada bank (pelaburan, komersial dan Islam), broker saham dan syarikat broker derivatif, syarikat pengurusan dana, syarikat pengurusan unit amanah, penyedia dan pengedar skim persaraan swasta.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web SIDREC di www.sidrec.com.my.





Kepentingan Memupuk Literasi Kewangan Pada Usia Muda

Pelajar Malaysia tidak cukup bersedia dengan pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang praktikal. Ini ialah penemuan *Financial Industry Collective Outreach* (FINCO) dalam tinjauan yang mereka lakukan. Tinjauan mereka mendapati 75% pelajar yang disoal hanya mempunyai tahap pengetahuan kewangan rendah hingga sederhana. Ini boleh mempengaruhi keupayaan mereka membuat keputusan kewangan yang memerlukan perancangan jangka panjang. Penemuan ini agak membimbangkan kerana pengetahuan kewangan yang rendah boleh membawa kepada keputusan kewangan yang lemah selepas alam persekolahan.

Menurut laporan FINCO, "Money SENse: Pemahaman Pelajar Malaysia Tentang Hal Kewangan", pelajar-pelajar ini secara amnya mengetahui tentang perkhidmatan umum seperti

PENGETAHUAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR MALAYSIA

Tinjauan celik kewangan dalam kalangan **1,121 pelajar menengah atas** di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar dan bandar, **terutamanya dalam komuniti B40**.



akaun simpanan, kad debit dan kad kredit. Namun, hampir 44.5% tidak mempunyai kesedaran yang sama tentang cukai pendapatan, pinjaman pelajaran dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini semua merupakan perkhidmatan kewangan yang berkemungkinan besar berkaitan dengan mereka sebaik sahaja meninggalkan alam persekolahan atau memasuki dunia pekerjaan.


Mereka yang pernah mendengar tentang perkhidmatan ini hanya mempunyai pemahaman ringkas tentang bagaimana perkhidmatan ini berfungsi. Namun, mereka tiada pemahaman tentang bagaimana servis ini menjadi relevan dalam kehidupan mereka selepas alam persekolahan.



Sebagai perbandingan, responden yang mempunyai pengetahuan kewangan yang tinggi dapat mengenal pasti kepentingan perkhidmatan agensi kewangan ini dan banyak lagi.

Malah, penemuan tersebut menunjukkan korelasi positif yang kuat antara pengetahuan kewangan dengan kesedaran, perilaku serta sikap. Ini menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan pengetahuan kewangan pelajar boleh membawa kepada tabiat menabung dan berbelanja yang lebih sihat. Tinjauan tersebut, yang dijalankan untuk memahami tahap literasi kewangan pelajar sekolah menengah atas, menerima respons daripada 1,121 pelajar berumur 16 hingga 19 tahun di seluruh Malaysia.


Laporan FINCO tersebut mencatatkan trend dalam literasi kewangan yang secara amnya meningkat dengan usia dan gred akademik. Namun, perkara ini tidak semestinya serupa bagi pelajar dengan tahap literasi kewangan yang rendah sejak muda kerana mungkin tidak mendapat akses yang sama seperti rakan sebaya mereka.



Pengetahuan kewangan berkorelasi positif dengan kesedaran dan perilaku kewangan pelajar.

Tingkah laku penjimatan dan perbelanjaan

Apabila disoal tentang tingkah laku penjimatan dan perbelanjaan pula, hanya 28.3% pelajar yang disoal menunjukkan perilaku positif dalam kesemua enam bidang tingkah laku yang ditanya, manakala 4.2% tidak menunjukkan tingkah laku penjimatan dan perbelanjaan yang positif.



Laporan FINCO juga menunjukkan bahawa terdapat 49 pelajar yang telah berkongsi butiran akaun bank dengan rakan-rakan karib, dan 42 pelajar yang akan mempertimbangkan untuk berkongsi butiran akaun bank dengan orang asing sebagai pertukaran wang. Walaupun ini hanya sebahagian kecil daripada responden, ia tetap menjadi suatu penemuan yang membimbangkan.

Golongan muda yang tidak sepenuhnya memahami kesan dan risiko yang akan timbul akibat daripada pendedahan data peribadi mereka, boleh menjadi sasaran mudah bagi penipuan dalam talian dan keldai akaun. Menurut Jabatan Insolvensi, 60% rakyat Malaysia

yang mengisyiharkan kebankrapan dari tahun 2018 hingga 2022 adalah dalam kalangan individu berusia 25 hingga 44 tahun. Berdasarkan penemuan dalam laporan FINCO, tabiat buruk kewangan yang terbentuk semasa muda berkemungkinan dibawa bersama ke alam dewasa. Ini menghasilkan golongan muda yang tidak dapat membuat keputusan kewangan yang baik akibat tiada pengetahuan tentang kewangan yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka.

Pendidikan sebagai penggerak

Penemuan laporan FINCO selaras dengan penemuan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan 2021 bahawa tahap literasi digital yang rendah dan membimbangkan masih berterusan dalam kalangan rakyat Malaysia. Memandangkan pelajar sekolah kini akan menjadi pengguna utama produk dan perkhidmatan kewangan digital, mempelajari dan mengikuti garis panduan amalan '*cyber hygiene*' yang baik amatlah penting untuk mengurangkan kejadian '*fraud*' dan penipuan.

Peranan FINCO

Sebagai sebahagian daripada matlamatnya untuk mempromosikan rangkuman kewangan, industri kewangan telah giat menyokong FINCO dengan kepakaran dan maklumat yang relevan untuk memupuk generasi individu celik kewangan yang pasti akan menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang mampan dari segi ekonomi dan sosial.

Pendidikan kewangan yang baik adalah penting dari usia muda sebelum para pelajar perlu membuat keputusan kewangan yang mustahak.

Langkah yang diperlukan adalah:

- ▶ **Menghentikan kitaran kemiskinan** dengan membuka pintu kepada peluang pekerjaan yang lebih baik dan boleh meningkatkan potensi pendapatan.
- ▶ **Membina keyakinan** untuk mengurus aspek kehidupan sehari-hari, termasuk penglibatan dengan sistem kewangan formal.
- ▶ **Memperkasakan pelajar** melalui peningkatan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah yang membolehkan mereka membuat keputusan dengan lebih baik, termasuk tentang hal kewangan.
- ▶ **Membina kemahiran literasi digital** yang memudahkan navigasi perkhidmatan dalam talian, termasuk perbankan dan perkhidmatan kewangan digital.
- ▶ **Menyediakan akses** ke perkhidmatan dan produk kewangan dan memupuk penggunaan yang baik melalui pembangunan kesedaran dan pengetahuan yang diperlukan.

Maklumat daripada laporan ini akan digunakan untuk menangani jurang dalam pengetahuan dan keperluan pelajar dengan lebih cekap melalui pembangunan kandungan pendidikan kewangan yang praktikal dan tepat pada masanya untuk program Literasi Kewangan sekolah menengah FINCO, Ringgit *Rules*, yang selaras dengan Kurikulum dan Strategi Kebangsaan Kementerian Pendidikan untuk Literasi Kewangan. Dengan maklumat daripada kajian serta perilaku, FINCO bekerjasama dengan kaunselor sekolah untuk menyampaikan bengkel Ringgit *Rules* yang menggalakkan pelajar untuk meneroka nilai dan pandangan yang mereka pegang

terhadap pengurusan kewangan peribadi dan untuk membangunkan tabiat kewangan yang baik dari usia muda.

Selaras dengan matlamatnya untuk memastikan pelajar didedahkan kepada pendidikan celik kewangan seawal mungkin, FINCO juga sedang menyediakan kit celik kewangan Ringgit *Rules Junior* bagi pelajar sekolah rendah yang akan dimuat naik ke laman web FINCO pada awal bulan April. Kit ini mengandungi beberapa sumber yang boleh diambil oleh guru, institusi kewangan dan pelajar lain untuk mengajar konsep celik kewangan.



Laporan penuh boleh didapati di bit.ly/FINCOFLReport

Adakah Anda Memerlukan Pakar Perancangan Kewangan?



Sekalung tahniah untuk mereka yang telah menguasai perancangan kewangan dari peringkat awal – teruskan usaha anda! Bagi mereka yang lain pula, merancang kewangan boleh menjadi satu perkara yang sukar kerana untuk mendapatkan dan menjamin kewangan sendiri bukanlah mudah. Namun, perkara ini tidak perlu dihadapi seorang diri. Pakar perancangan kewangan berlesen boleh membantu dan membimbing individu melalui cabaran ini dan seterusnya ke arah kejayaan.

Siapakah pakar perancangan kewangan?

Pakar perancangan kewangan berlesen ialah seorang profesional yang terlatih untuk membimbing pengguna membuat keputusan yang terbaik. Ini merangkumi semua aspek kewangan, sama ada dalam

mencapai matlamat kewangan peribadi atau mengendalikan selok-belok pasaran kewangan. Selain itu, mereka memastikan segala piawaian peraturan dipatuhi. Pakar-pakar perancangan kewangan ini telah mendapatkan pensijilan melalui peperiksaan dan disahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Secara ringkasnya, pakar perancangan kewangan mampu menghulurkan bantuan berupa nasihat berkaitan dengan pengurusan aliran wang tunai, perancangan pelaburan serta persediaan persaraan, pemilihan insurans, dan pengendalian pelbagai jenis cukai dan harta pusaka. Mereka juga mampu mencadangkan jenis-jenis pelaburan tertentu seperti dana, saham, atau bon, bergantung kepada pelan kewangan dan keutamaan risiko anda.

Perbezaan antara perancang kewangan dan ejen insurans

	Perancang Kewangan	Ejen Insurans
Badan kawal selia	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) atau Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)
Peranan	Memberi nasihat kepada pelanggan dalam membuat keputusan kewangan dengan baik, mencapai matlamat kewangan mereka dan mengendalikan selok-belok pasaran kewangan sambil mengambil kira situasi kewangan peribadi dalam 6 aspek	Memberi nasihat kepada pelanggan tentang produk insurans yang betul
Aspek perundingan kewangan peribadi	<p>6 aspek</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Aliran Tunai • Perancangan Pelaburan • Insurans • Perancangan Persaraan • Perancangan Cukai • Perancangan Harta Pusaka 	<p>1 aspek</p> <ul style="list-style-type: none"> • Insurans
Cadangan produk	<p>Untuk kesemua 6 aspek</p> <p>Merancang dan membimbing pelanggan untuk memilih produk yang betul dari syarikat yang betul</p>	<p>Untuk 1 aspek sahaja</p> <p>Mencadangkan dan menjual produk daripada syarikat yang mereka wakili</p>

Adakah saya memerlukan perkhidmatan perancangan kewangan?

Jika anda pernah terfikir mengenai mana-mana soalan berikut, ini menandakan anda mungkin memerlukan perkhidmatan perancangan kewangan:

- Adakah saya mempunyai dana kecemasan yang mencukupi?
- Berapa banyakkah yang patut saya belanjakan di luar bajet saya?
- Adakah wang saya disimpan di tempat yang betul?
- Berapa lamakah saya dapat mencapai simpanan sejuta ringgit yang pertama?
- Di manakah patut saya laburkan wang saya?
- Adakah saya mampu memiliki lebih daripada satu rumah?
- Bagaimanakah boleh saya kurangkan/optimumkan pinjaman saya?
- Berapa lamakah (bulan atau tahun) matlamat saya akan tertangguh jika saya membeli sesuatu benda?

- Adakah perancangan harta saya dibuat dengan betul?
- Apakah yang akan berlaku sekiranya saya tidak mempunyai wasiat?
- Apakah jenis insurans yang saya benar-benar perlukan?
- Adakah perlindungan insurans saya kurang atau lebih daripada yang sepatutnya?
- Bolehkah saya bersara tepat pada waktunya atau lebih awal?
- Berapa lamakah dana persaraan saya boleh bertahan?
- Berapakah jumlah dana yang saya perlukan untuk bersara pada umur tertentu?
- Bagaimanakah boleh saya capai matlamat persaraan saya lebih awal?
- Berapakah jumlah pelepasan cukai tahunan saya?



FAEDAH MENDAPATKAN BANTUAN PROFESIONAL

Menjimatkan masa dan mengurangkan tekanan hidup

Mengurus kewangan boleh menjadi sukar di tengah-tengah kesibukan harian. Oleh sebab itu, tidak mengapa jika kadang-kadang anda tersasar daripada matlamat kewangan anda. Di sinilah pakar perancangan kewangan anda akan memainkan peranan bagi memastikan anda kekal di landasan menuju matlamat kewangan anda, malah mereka akan mencari jalan untuk mencapainya lebih awal.

Mengelakkan kesilapan kewangan

Walaupun anda boleh mengurus wang anda sendiri, namun risikonya adalah lebih tinggi tanpa pengetahuan yang tepat. Oleh itu, keputusan anda untuk mendapatkan bantuan profesional ialah pilihan yang lebih bijak. Anda boleh menganggap perancang kewangan sebagai seorang mentor yang membimbing anda sekiranya tersasar daripada matlamat kewangan anda. Kecekapan mereka dalam pengurusan kewangan akan memberikan perbezaan yang ketara dalam perjalanan kewangan anda.

Mendapatkan penjelasan segera

Pakar perancangan kewangan dapat menawarkan penyelesaian dan penjelasan dengan cepat dan tepat. Mereka mampu menangani sebarang kerumitan, lantas memberi khidmat nasihat yang sepatutnya bagi memastikan anda mempunyai kefahaman yang jelas tentang situasi kewangan anda.

Khidmat nasihat kewangan yang tidak berat sebelah

Kebanyakan nasihat dan bimbingan yang terdapat dalam Internet dan daripada orang sekeliling tidak memberikan maklumat yang tepat untuk membuat sebarang keputusan. Oleh itu, peranan seorang perancang kewangan dalam hal ini adalah penting; mereka sepatutnya memberikan nasihat yang tidak berat sebelah dan strategik sesuai dengan matlamat kewangan anda yang unik.

Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (FPAM) ialah titik mula langkah kewangan anda!

Pakar-pakar kami berlesen dan dipercayai oleh rakyat Malaysia. Kami merupakan organisasi bebas yang memberikan khidmat nasihat yang tidak berat sebelah tanpa mewakili mana-mana syarikat atau produk tertentu. Kami membina reputasi kami atas kepercayaan dan testimoni positif oleh pelanggan-pelanggan kami. Pakar perancangan kewangan kami mampu memberikan bimbingan yang efektif kepada anda ketika menghadapi sebarang cabaran dan kerumitan dalam perancangan kewangan peribadi.



Kepentingan Menyemak Laporan Kredit Kewangan Anda

Beberapa tahun sejak pasca COVID-19, kegawatan ekonomi pada peringkat global telah memberi kesan langsung terhadap kehidupan seharian pengguna. Kini situasi tersebut menjadi lebih parah apabila semakin ramai pengguna mendapatkan perkhidmatan kewangan.

Malah, masalah pengendalian hutang oleh pengguna juga semakin meningkat. Perkara ini berlaku kerana percambahan produk kewangan dan pasaran produk yang agresif telah membawa kepada suatu senario yang memperlihatkan keluarga terjebak

dalam perangkap yang sukar untuk meloloskan diri. Landskap kewangan adalah sangat mencabar. Namun, jika anda menggunakan strategi dan kesedaran kewangan yang betul, anda berpeluang untuk berkembang maju dalam kehidupan. Tekanan kewangan boleh berlaku dalam pelbagai cara. Ia memberi kesan bukan sahaja kepada akaun bank anda tetapi juga kepada kesihatan mental dan fizikal.

Mengenali tanda-tanda awal adalah penting untuk mengambil langkah yang proaktif dalam menangani punca tekanan kewangan tersebut.

Belanjawan: Langkah pertama untuk berhemat dalam perbelanjaan

Menyusun dan mengikut perancangan perbelanjaan merupakan perkara yang paling asas. Perancangan perbelanjaan bukan sekadar untuk menjelak perbelanjaan; ia juga merupakan kaedah yang digunakan bagi membuat keputusan kewangan yang termaklum. Ia juga membantu anda dalam mengenal pasti perbelanjaan yang tidak perlu,

Pengurusan hutang:
Komponen kritikal pengurusan hutang yang berkesan ialah kunci kepada kesejahteraan kewangan. Perkara ini melibatkan pemahaman mengenai hutang anda, mengutamakan bayaran balik, dan mengelakkan kadar faedah hutang yang tinggi. Jika anda bergelut dengan masalah hutang, anda perlu mempertimbangkan sama ada bercakap dengan penasihat kewangan atau pun meneroka pilihan penyatuan hutang dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



mengutamakan kos perbelanjaan terpenting dan memperuntukkan sumber untuk simpanan dan bayaran balik hutang.

Dana kecemasan: Jaringan keselamatan kewangan anda

Dana kecemasan adalah sangat penting bagi keselamatan kewangan seseorang. Ia merupakan suatu persediaan terhadap perbelanjaan yang tidak dijangka dan mengurangkan keperluan untuk menanggung hutang semasa situasi kecemasan kewangan. Ia juga bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan hidup sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan.

Melabur dalam pendidikan kewangan

Ilmu ialah kuasa penentu, terutamanya bagi perkara berkaitan dengan kewangan. Mendidik diri tentang produk kewangan, pilihan pelaburan dan arah aliran ekonomi boleh memperkasakan anda untuk membuat keputusan yang lebih tepat. Oleh itu, anda perlu mempertimbangkan untuk menghadiri bengkel kewangan atau menggunakan sebarang sumber dalam talian untuk meningkatkan tahap celik kewangan anda.

Kepentingan semakan laporan kredit secara berkala

Laporan kredit anda ialah aspek penting dalam kesihatan kewangan anda. Ia mempengaruhi keupayaan anda untuk mendapatkan pinjaman, kadar faedah yang anda terima dan juga prospek pekerjaan anda.

Berikut merupakan kepentingan pemeriksaan biasa bagi seseorang pengguna:

- **Kesedaran:**

Semakan laporan kredit secara berkala dapat memastikan bahawa anda mendapat maklumat terkini tentang kedudukan kewangan anda. Ia membolehkan anda membuat keputusan kewangan yang lebih bijak.

- **Pengesanahan ralat:**

Memantau laporan kredit membolehkan anda mengesan dan membetulkan sebarang aktiviti yang tidak tepat atau mencurigakan yang boleh menjelaskan kepercayaan kredit anda.

- **Pencegahan penipuan:**

Pemeriksaan biasa boleh membantu anda mengesan dengan lebih awal jika terdapat sebarang aktiviti tanpa kebenaran atau kecurian identiti. Ini dapat melindungi anda daripada perangkap *scammer*.

- **Penambahbaikan kredit:**

Memahami laporan kredit anda memberi anda peluang untuk mengenal pasti pilihan kewangan yang boleh dibuat dengan lebih baik.

Cara menyemak laporan kredit anda di Malaysia

Di Malaysia, anda boleh menyemak laporan kredit anda melalui Agensi Pelaporan Kredit (CRA) seperti Biro Kredit Malaysia (CBM), Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS), atau Agensi Pelaporan Kredit Malaysia (CTOS). Agensi ini menyediakan laporan kredit yang memberi anda

gambaran menyeluruh tentang sejarah kredit anda termasuk sejarah pembayaran individu, jumlah hutang dan tempoh sejarah kredit.

Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (Akta CRA) memberi agensi-agensi ini kuasa untuk mengumpul, merekod, menyimpan dan menyebarkan maklumat yang diterima secara rasmi daripada bank. Ini termasuk sumber awam yang sah seperti surat khabar (prosiding undang-undang, notis kebankrapan dan rekod litigasi) dan agensi kerajaan yang dibenarkan.

Sebagai pengguna, anda boleh menyemak laporan anda sendiri untuk memastikan kewangan anda kukuh, manakala syarikat (seperti bank) boleh merujuk laporan anda untuk melihat sama ada anda sepadan untuk kemudahan pinjaman atau kad kredit.

CCRIS menyediakan laporan kredit kepada pengguna secara percuma manakala CTOS memberikan laporan kredit setelah anda membayar yuran yang telah ditetapkan.

Semua agensi pelaporan kredit bertanggungjawab dalam memastikan ketepatan data. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak tepat, agensi diberi mandat untuk membetulkannya dalam masa 21 hari selepas menerima permintaan pembetulan daripada pengguna.

Langkah yang boleh anda ambil untuk memperbaiki skor kredit anda:

- Bayar bil tepat pada waktunya: Bayaran lewat boleh memberi kesan negatif kepada laporan kredit anda. Pastikan anda membayar semua bil anda tepat pada masanya.
- Kurangkan hutang: Tahap hutang yang tinggi boleh menurunkan laporan kredit anda. Usahakan bayaran hutang anda, terutamanya yang mempunyai kadar faedah yang tinggi.
- Hadkan permohonan kredit: Setiap kali anda memohon kredit, ia boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda. Mohon kredit apabila benar-benar perlu.
- Sentiasa pantau laporan kredit anda: Pantau laporan kredit anda untuk sebarang perubahan atau aktiviti yang tidak tepat atau mencurigakan.

Perancangan kewangan yang berhemat tidak menghalang anda daripada berbelanja tetapi sebaliknya mengupayakan anda untuk membuat keputusan dengan lebih bijak dan membantu menstabilkan tahap kewangan anda.

Dengan perancangan perbelanjaan yang lebih berkesan, pengurusan hutang yang bijak, simpanan dana kecemasan yang mencukupi, penglibatan diri dalam pendidikan kewangan dan semakan laporan kredit secara berkala, anda berupaya untuk mengelak daripada tekanan

kewangan dan menjamin masa depan kewangan yang lebih kukuh. Anda perlu ingat bahawa laluan ke arah kesejahteraan kewangan merupakan satu perjalanan. Setiap langkah walaupun kecil adalah penting untuk mencapai matlamat kewangan anda.

Sila layari laman sesawang Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), www.nccc.org.my dan klik **E-ADUAN** untuk membuat sebarang aduan. Pengguna juga boleh menghubungi NCCC di talian **03-7877 1076**.


GAYA ORANG MUDA BERBELANJA




KENAPA DENGAN ORANG MUDA?

Kajian AKPK pada 2022, “Membangunkan Semula Ketahanan Kewangan: Apa yang Pengguna Boleh Belajar daripada Pandemik” mendapati...


Kewangan mereka yang berumur 49 ke bawah **lebih mudah terjejas**:




Mereka yang berumur 29 ke bawah **paling kurang menilai kemampuan kewangan**:



Mereka yang berumur 29 ke bawah **paling kurang berbelanja mengikut pelan**:



Mereka yang berumur 29 ke bawah **paling kompulsif bila berbelanja**:



BAGAIMANA MENANGANI PERBELANJAAN KOMPULSIF?

1. Belajar tentang pengurusan kewangan

Perolehi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran untuk mengubah gaya hidup mengikut keutamaan, membuat bajet, mengurus hutang dan seumpamanya.

2. Guna teknologi untuk pengurusan kewangan

Dapatkan aplikasi yang sesuai untuk mengurus wang dan perbelanjaan.

3. Jaga keselamatan dalam talian

Berwaspada dan ikuti langkah-langkah keselamatan dalam dunia siber.

4. Hadkan penggunaan atau jumlah kemudahan pembelian dalam talian

Kenal pasti aplikasi atau platform yang membuatkan anda kerap berbelanja secara dalam talian.

5. Dapatkan bantuan

Buat penilaian kendiri tentang pola perbelanjaan anda (banyak di Internet), kenal pasti masalah dan usahakan perubahan atau dapatkan bantuan profesional.